

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 23/12/2017

Edisi / Muka Surat : Nasional / 45



ABDUL Fattah (dua dari kanan) bertukar dokumen kerjasama dengan Mohd Shukrie.

Petaling Jaya

Kerjasama ANGKASA, Pos Malaysia bakal jana RM150 juta

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) menyasarkan transaksi bernilai antara RM100 juta hingga RM150 juta melalui kerjasama dengan Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) dalam 12 bulan akan datang.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kerjasama antara ANGKASA dan Pos Malaysia itu memberi peluang kepada gerakan koperasi memanfaatkan jaringan Pos Malaysia.

“Pos Malaysia berfungsi sebagai pusat sehenti pendaftaran keahlian koperasi, permohonan pembiayaan koperasi, platform promosi dan pemasaran dan jual beli emas Ar-Rahnu,” katanya selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara ANGKASA dan Pos Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata, kerjasama itu diharap memberi ruang baik

kepada gerakan koperasi untuk menerokai peluang perniagaan koperasi ke tahap lebih optimum dan menjadikannya lebih berdaya saing pada masa depan.

“Kami yakin kerjasama ini memberi manfaat kepada koperasi dan menyasarkan peningkatan 10 peratus transaksi dalam tempoh 24 bulan akan datang,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia Datuk Mohd Shukrie Mohd Salleh berkata, kerjasama itu tepat dengan usaha memperkasakan sektor koperasi dan ia memberi manfaat kepada Pos Malaysia dan ahli ANGKASA.

Menurutnya, kerjasama ini dijangka dapat sambutan berikutan jumlah ahli koperasi dan saiz rangkaian Pos luas merangkumi 1,000 cawangan termasuk 696 pejabat pos dan 200 pejabat pos mini.